

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.05.2015

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi semasa terbitan Sukuk Malaysia serta unjurannya untuk tempoh 5 tahun akan datang menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasaran Sukuk Malaysia mencatatkan perkembangan yang pesat dengan kadar purata

pertumbuhan tahunan sebanyak 18.8% sejak tahun 2005 dengan jumlah terbitan sebanyak RM574.4 bilion setakat April 2015. Daripada jumlah itu, 42% adalah terdiri daripada terbitan sukuk Kerajaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia, manakala selebihnya adalah daripada institusi korporat.

2. Pada pertengahan April 2015, Kerajaan telah berjaya menerbitkan Sukuk Global bernilai USD1.5 bilion, khususnya bagi menebus sukuk 2010 yang akan matang pada Jun 2015 ini. Transaksi ini telah menarik minat ramai pelabur dengan langganan melebihi USD9 bilion daripada keseluruhan pelabur yang melebihi 450 akaun. Sukuk ini juga telah menggunakan struktur berlandaskan aset dalam bentuk komoditi patuh syariah, aset fizikal seperti bangunan dan aset bukan fizikal. Selain daripada itu, bagi mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam di peringkat antarabangsa, Malaysia merupakan negara pertama yang menerbitkan sukuk berdaulat bertempoh matang 30 tahun.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 5 tahun akan datang, pasaran sukuk Malaysia dijangka akan terus berkembang dengan menyaksikan peningkatan dalam terbitan rentas sepadan (*cross-border issuance*), terbitan dalam mata wang asing dan penghasilan produk-

produk inovatif untuk pembiayaan infrastruktur. Tambahan pula, sukuk Malaysia juga telah mendapat pengiktirafan diperingkat global dengan kemasukan sukuk ke dalam indeks global seperti Barclays Capital Global Aggregate Bond Index, HSBC Asian Local Bond Index dan Markit iBoxx Index, yang mendorong pelabur antarabangsa untuk melabur di dalam pasaran sukuk Malaysia.